

Headline	Jangan sangsi jika sudah berniat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	203 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,463
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,388



Jangan sangsi jika sudah berniat

SHAH ALAM - Menjadi tetamu ALLAH dan berpeluang untuk menunaikan rukun Islam kelima merupakan anugerah yang tidak ternilai bagi mereka yang bergelar muslim.

Ramai yang berimpian untuk menjejakan kaki di kota suci menunaikan ibadah haji, namun tidak berpeluang sama ada tidak berkemampuan atau masih menunggu giliran daripada Tabung Haji.

Tidak kurang juga yang berpeluang dan berkemampuan, namun hatinya masih berbelah bahagi disebabkan kebimbangan yang sukar untuk ditelah.

Bagi seorang pekerja swasta yang mahu dikenali sebagai Sarah Yusof, 34, berpeluang mengerjakan ibadah haji merupakan anugerah terindah sepanjang hidup, walau pun tercatat kisah yang cukup menginsafkan sebelum berangkat ke tanah suci.

"Ketika itu saya berusia 27 tahun dan mempunyai seorang anak. Ibu bapa mengajak saya dan suami untuk sama-sama mengerjakan haji melalui agensi bagi mempercepatkan urusan ke sana.

"Kami setuju walau pun hakikatnya, hati saya masih berbelah bahagi untuk turut serta," katanya. Sarah berkata, walau pun semua urusan dokumentasi selesai tapi dia



Sarah menceritakan kisah yang menjadi pengajaran berharga buat dirinya kepada wartawan Sinar Harian yang menemubualnya.

masih ragu-ragu untuk meneruskan rancangan tersebut kerana bimbang diri masih belum bersedia.

"Saya bukanlah muslim sempurna dan sedar amalan jauh daripada mencukupi. Terdetik di hati, bagaimana keadaan saya di sana nanti? Apakah ALLAH akan terima ibadah saya dan pada masa sama bimbang juga dengan cerita-cerita mereka yang diberi 'pengajaran' ketika berada di sana.

"Kegusaran hati saya luahkan pada suami dan suami ingatkan, ramai di luar sana impikan peluang seperti saya dan jangan sombong dengan ALLAH kerana maut juga

takkan tunggu sama ada kita bersedia atau tidak," katanya.

Terkesan dengan kata-kata suami, Sarah nekad dan bersedia untuk meneruskan perancangan tersebut. Namun, dugaannya bermula selepas itu.

"Ibu, ayah dan suami mendapat surat pengesahan dari syarikat agensi untuk menunaikan haji dan diminta mendapatkan suntikan vaksin kecuali saya.

"Saya mula bimbang kenapa surat saya tak ada? Saya berusaha dapatkan kelulusan memandangkan waktu berangkat sudah hampir," katanya.